

IMBUHAN AWALAN

Tambahkan imbuhan awalan meN- pada kata dasar yang diberikan.

1. Puan Halimah sedang (cuci) _____ pakaiannya.
2. Regina (bayar) _____ harga kuih-muih yang dibelinya.
3. Program Bulan Membaca yang diadakan dapat (pupuk) _____ minat membaca dalam kalangan kanak-kanak.
4. Encik Razaif (pimpin) _____ tangan lelaki tua itu sewaktu menuruni tangga.
5. Mereka (susun) _____ buku-buku yang berselerak di atas meja itu.
6. Kim Seng (pelihara) _____ ikan.
7. Kim Yee (layari) _____ internet.
8. Kim Ho menyertai pertandingan (tiup) _____ belon.
9. Berjoging (cegah) _____ penyakit jantung dan obesiti.
10. Ibu (belai) _____ rambut adik perempuan.
11. Budak itu (kutip) _____ buah durian yang gugur di atas tanah.
12. Guru besar (sampaikan) _____ cenderamata kepada pengerusi PIBG.
13. Murid-murid bekerjasama (hias) _____ bilik darjah mereka.
14. Murid-murid menggunakan cat untuk (warna) _____ mural.
15. Saya dan jiran selalu (pinjam) _____ buku dari perpustakaan awam.
16. Wen Wen (kemas) _____ katil selepas bangun daripada tidur.
17. Sebagai anak, kita tidak boleh (abaikan) _____ ibu bapa kita.
18. SJK(C) Chung Cheng akan (anjur) _____ acara larian merentas desa.
19. Pengarah Pelajaran Negeri Sarawak telah (rasmi) _____ pembukaan bangunan baru SJK(C) Chung Sing.
20. Vinod berjoging di taman sambil (hirup) _____ udara segar.

IMBUHAN AKHIRAN (-kan, -an & -i)

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai. (Kombinasi Soalan Semua Pelajar)

1. Tolong _____ (letak) beg ini di atas meja itu.
2. Jangan _____ (dekat) pemuda itu kerana dia kepala angin.
3. _____ (pamer) itu akan diadakan selama sebulan.
4. Tolong _____ (pamer) lukisan itu di ruang tamu.
5. _____ (latih) yang diberi oleh Cikgu Ismail sangat merunsingkan.
6. Abang saya sedang menyiapkan _____ (tugas) yang diberikan oleh guru.
7. Bapa saya menerima _____ (rawat) di klinik kesihatan.
8. Kos _____ (rawat) penyakit kanser dianggarkan di antara RM40, 000 hingga RM300, 000.
9. Sesiapa yang berminat menyertai _____ (lawat) itu, sila beritahu guru kelas.
10. Saya telah _____ (serta) acara lumba lari pada Hari Sukan yang lalu.
11. _____ (Ajar) ibu bapa harus kita patuhi selalu.
12. "Tolong _____ (sampai) salam saya kepada keluarga kamu," kata Rosana kepada Faiza.
13. Tanah Tinggi Cameron pernah saya _____ (lawat) pada tahun lepas.
14. Pelbagai jenis alat _____ (main) kanak-kanak dijual di kedai itu.
15. Persembahan artis yang terkenal itu mendapat _____ (tepuk) yang gemuruh daripada para penonton.
16. _____ (Semak) keputusan peperiksaan itu boleh dibuat melalui internet.
17. "_____ (Hentak) kaki kamu mengikut muzik yang dimainkan," kata Cikgu Nazira kepada murid-muridnya.
18. "Tolong _____ (kacau) kopi itu untuk adik kamu," kata emak kepada Hezma.
19. "Mimpi yang saya _____ (alam) itu sungguh menakutkan," kata Chin Sue kepada Rajan.
20. _____ (Cadang) Kumpulan Bestari memang bernas dan sesuai dengan tema.

LATIHAN IMBUHAN APITAN



LATIHAN 1

Pilih perkataan imbuhan apitan yang sesuai dalam ayat-ayat di bawah.

1. Perbuatan penduduk yang membuang sampah ke dalam sungai telah (**pencemaran** / **mencemarkan**) alam sekitar.
2. Ketua kampung tidak mahu (**mencampuri** / **mencampurkan**) masalah keluarga tersebut.
3. Orang ramai (**dinasihati** / **menasihati**) agar sentiasa menjaga kebersihan diri dan persekitaran.
4. Pak Cik Kadir pergi ke Singapura untuk (**kedalaman** / **mendalami**) ilmu perniagaan.
5. Kerajaan sentiasa berusaha untuk (**peperangan** / **memerangi**) masalah penyalahgunaan dadah.
6. Khalida telah mendapat (**dibenarkan** / **kebenaran**) daripada ibunya untuk menyertai perlumbaan lari itu.
7. Kerajaan sentiasa membuat (**pembaharuan** / **membaharui**) dalam sistem pendidikan.
8. Peristiwa (**pergaduhan** / **kegaduhan**) itu telah mencetuskan kebimbangan dalam kalangan ibu bapa.
9. Beberapa orang murid dimasukkan ke hospital kerana (**meracuni** / **keracunan**) makanan.
10. Kami sangat (**menghargai** / **menghargakan**) segala bantuan yang diberikan oleh orang ramai.

IMBUHAN SISIPAN

A. Tambahkan sisipan yang sesuai pada perkataan-perkataan di bawah.

	-el-	-em-	-er-	
tapak	→		tunjuk	→
serak	→		suling	→
sabut	→		jujur	→
gigi	→	gerigi	kuning	→
kuncup	→		kuping	→ keruping

B. Isikan tempat kosong dengan kata sisipan yang betul.

kemuncup

geraham

telunjuk

jelujur

gerabak

telapak

semerbak

serabut

1. Sebelum menjahit baju itu, ibu membuat jahitan _____ terlebih dahulu.
2. Kereta api yang baru tiba itu hanya terdiri daripada _____ yang membawa barang.
3. Gigi _____nya terpaksa dicabut dengan segera.
4. Rumput hiasan itu mempunyai akar _____.
5. Ibu sukar membasuh seluar adik yang terdapat banyak _____.
6. Adik berasa gatal pada _____ tangannya.
7. Akibat kemalangan itu, jari _____ abang telah patah.
8. Lina menyembur minyak wangi yang _____ baunya.

